



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

( ) dlm. KKM-114/109

19 Jun 2006

Semua Pengarah Kesihatan Negeri,  
.....

Semua Pengarah Yayasan  
.....

Semua Pengarah Hospital,  
.....

Semua Dekan,  
Fakulti Perubatan,  
Universiti .....

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 2/2006:**  
**PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN SELEPAS TAMAT MENJALANI**  
**LATIHAN SISWAZAH DIBAWAH AKTA PERUBATAN 1971**

**1. TUJUAN:**

- 1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keperluan mematuhi peruntukkan undang-undang berkaitan pendaftaran pengamal perubatan selepas tamat menjalani latihan siswazah menurut seksyen 13 Akta Perubatan 1971 dan tindakan berkaitan dengannya;

**2. LATARBELAKANG:**

- 2.1. Selaras dengan kehendak Akta Perubatan 1971, setiap individu yang ingin mengamal profesyen perubatan sebagai pengamal perubatan perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);

- 2.2. Dibawah Akta tersebut, terdapat tiga jenis pendaftaran berikut:

Pendaftaran Pengamal Perubatan Selepas Tamat Latihan Siswazah Dibawah Akta Perubatan 1971

## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN

- 2.2.1. Perakuan Pendaftaran Sementara dibawah seksyen 13 diwajibkan kepada graduan perubatan yang baru sahaja menamatkan pengajian bagi tujuan menjalani latihan siswazah;
- 2.2.2. Perakuan Pendaftaran Penuh dibawah seksyen 14 diwajibkan kepada pengamal perubatan yang tamat menjalani latihan siswazah dan diperakukan oleh pihak tertentu untuk mengamal profesyen secara sah; dan
- 2.2.3. Perakuan Amalan Sementara dibawah seksyen 16 pula diwajibkan kepada pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan luar negara untuk mengamal profesyen secara sah di Malaysia;

### **3. PERKARA YANG INGIN DIMAKLUMKAN:**

- 3.1. Perakuan Pendaftaran Sementara hanya sah untuk tujuan latihan siswazah. Selepas menamatkan latihan siswazah, Akta tersebut mewajibkan setiap pengamal perubatan yang ingin meneruskan amalan perubatan di Malaysia berdaftar penuh dibawahnya;
- 3.2. Mereka yang meneruskan amalan perubatan tanpa Perakuan Pendaftaran Penuh telah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum. Kesalahan tersebut juga merangkumi majikan yang menggaji dan/atau membenarkan mereka yang tidak berdaftar penuh menjalankan amalan perubatan;
- 3.3. Masalah kelewatan menghantar permohonan Perakuan Pendaftaran Penuh bagi pengamal perubatan yang tamat latihan siswazah telah dikenalpasti sejak dahulu lagi;
- 3.4. Empat Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) bagi memastikan pematuhan kepada Akta tersebut telah dikeluarkan sebelum ini. Dokumen-dokumen tersebut ialah:
  - 3.4.1. Surat Pekeliling KPK Bil. 1/1983 – Pendaftaran Sebagai Pengamal Perubatan Selepas Tamat Latihan Doktor Siswazah; dan
  - 3.4.2. Surat Pekeliling KPK Bil. 4/1984 – Pendaftaran Sebagai Pengamal Perubatan Selepas Tamat Latihan Doktor Siswazah;
  - 3.4.3. Surat Pekeliling KPK Bil. 1/1985 – Akta Perubatan 1971 : Seksyen-seksyen 40 & 41 Perkhidmatan Dalam Jawatan Perubatan Dalam Perkhidmatan Awam; dan

## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN

- 3.4.4. Surat Pekeliling KPK Bil. 4/1986 – Pendaftaran Penuh Dibawah Akta Perubatan 1971.
- 3.5. Namun, sehingga kini masalah tersebut masih berlarutan. Secara purata, permohonan mengambil masa sehingga dua hingga tiga tahun selepas pengamal menamatkan latihan siswazah untuk dikemukakan ke pejabat MPM;
- 3.6. Kelewatan menghantar permohonan Perakuan Pendaftaran Penuh mengundang pelbagai implikasi kepada pihak majikan dan juga pengamal perubatan berkenaan;
- 3.7. Adalah menjadi tugas pengamal dan juga majikan untuk memastikan semua peruntukkan Akta dipatuhi sepenuhnya;
- 3.8. MPM tidak akan bertanggung-jawab jika mana-mana pengamal dan/atau majikan menghadapi masalah berkaitan mengamal tanpa Perakuan Pendaftaran Penuh ekoran kecuaiian pihak majikan dan/atau pengamal berkenaan;

#### 4. TINDAKAN:

- 4.1. Bagi mengatasi kelewatan ini dari berlarutan, pihak majikan yang bertanggung-jawab menyelia pengamal perubatan semasa menjalani latihan siswazah adalah dengan ini diarahkan untuk:
- Mempastikan pengamal yang berdaftar dibawah seksyen berkaitan dibenarkan mengamal menurut kelayakan pendaftaran masing-masing sahaja. Pengamal perubatan yang telah menamatkan tiga posting wajib dan masih berdaftar dibawah seksyen 13 perlu menjalankan **amalan** perubatan sebagai pegawai perubatan siswazah dibawah skim *obligatory posting* berdasarkan Surat Pekeliling KPK Bil. 4/2002 sehingga mereka diberikan pendaftaran penuh. Namun, dari segi perkhidmatan, mereka boleh melaksanakan tugas sebagai *Junior Medical Officer* menurut Surat Pekeliling KPK Bil. 4/2002;
  - Mempastikan permohonan Perakuan Pendaftaran Penuh seseorang pengamal sampai ke pejabat MPM **tidak lewat dari SATU bulan selepas beliau menamatkan latihan siswazahnya**; dan
  - Memaklumkan perkara ini kepada semua pengamal perubatan yang sedang dan akan menjalani latihan siswazah dan juga pegawai yang terlibat didalam

## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN

memproses permohonan Perakuan Pendaftaran Penuh di institusi masing-masing;

4.2. Bagi permohonan yang dihantar **selepas tempoh SATU bulan** dari tarikh menamatkan latihan siswazah:

4.2.1. Jika kelewatan berpunca dari pihak majikan:

- a. Pihak majikan perlu menyediakan penjelasan bertulis mengenai punca kelewatan untuk pertimbangan KPK dan dihantar bersama permohonan pengamal tersebut; dan
- b. Berdasarkan penjelasan yang diberikan, KPK akan menggunakan budi bicaranya dalam menentukan tindakan sewajarnya. Tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap pihak majikan, sekiranya perlu;

4.2.2. Jika kelewatan berpunca dari pihak pengamal berkenaan:

- a. Pihak majikan perlu mendapatkan penjelasan bertulis dari pengamal berkenaan mengenai kelewatan selain menyediakan laporan bertulis untuk pertimbangan KPK dan dilampirkan bersama permohonan tersebut;
- b. Berdasarkan penjelasan yang diberikan, KPK akan menggunakan budi bicaranya dalam menentukan tindakan sewajarnya. Bagi permohonan yang lewat diterima tanpa alasan manasabah, tarikh khidmat wajib pengamal berkenaan akan dikira bermula dari tarikh permohonan Perakuan Pendaftaran Penuh diterima dan bukannya tarikh tamat latihan siswazah; dan
- c. Tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap pihak pengamal berkenaan, sekiranya perlu;

4.2.3. Jika kelewatan berpunca dari kedua-dua pihak:

- a. tindakan sewajarnya perlu diambil oleh semua pihak terbabit sebagaimana huraian diatas; dan
- b. Tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap pihak terbabit, sekiranya perlu.

## 5. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:

5.1. Pelaksanaan Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.

5.2. Dengan pelaksanaan Surat Pekeliling ini ini, Surat-surat Pekeliling KPK berikut dibatalkan berkuatkuasa serta merta:

## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN

- 5.2.1. Surat Pekeliling KPK Bil. 1/1983 – Pendaftaran Sebagai Pengamal Perubatan Selepas Tamat Latihan Doktor Siswazah; dan
- 5.2.2. Surat Pekeliling KPK Bil. 4/1984 – Pendaftaran Sebagai Pengamal Perubatan Selepas Tamat Latihan Doktor Siswazah;
- 5.2.3. Surat Pekeliling KPK Bil. 1/1985 – Akta Perubatan 1971 : Seksyen-seksyen 40 & 41 Perkhidmatan Dalam Jawatan Perubatan Dalam Perkhidmatan Awam; dan
- 5.2.4. Surat Pekeliling KPK Bil. 4/1986 – Pendaftaran Penoh Dibawah Akta Perubatan 1971.

### 6. PERTANYAAN:

- 6.1. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini boleh dirujuk kepada:

Setiausaha,  
Majlis Perubatan Malaysia,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 2, Blok E-1, Parcel E,  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62518 PUTRAJAYA.


No. Tel : 03 8883 1400 atau 8883 1417

No. Fax : 03 8883 1406

E-mail : [mmc@moh.gov.my](mailto:mmc@moh.gov.my)

Sekian. Terima kasih.

Yang Ikhlas,



**(TAN SRI DATUK DR. HJ MOHD. ISMAIL BIN MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tarikh: **19 Jun 2006.**

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN**

s.k. Ketua Setiausaha,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan),  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan),  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).